

Media : Sinar Harian

Date : 7 July 2018

# Kekal komited

Ajinomoto fokus pembangunan lestari

**A**JINOMOTO Co. Inc (Ajinomoto) bangga menjadi salah sebuah syarikat sukarela dalam sebilangan besar syarikat dalam mengerakkan usaha Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Dalam kenyataan media-nya Ajinomoto berkata, terdapat beberapa sebab pihaknya terlibat dalam usaha tersebut.

Pertama, sebagai sebuah organisasi antarabangsa yang mempunyai cawangan besar, beroperasi di 30 negara dan berkecimpung dalam perniagaan yang mengubah sumber semula jadi menjadi produk makanan pada skala yang besar. Ajinomoto berada dalam kedudukan yang istimewa untuk menghasilkan perubahan yang nyata dan positif untuk dunia.

Kedua, Ajinomoto beraskan bahawa ia adalah suatu perkara yang sepatutnya dilakukan.

"Satu bidang yang kami berikan tumpuan secara khusus adalah tenaga boleh diperbaharu yang merupakan satu faktor penting untuk kelestarian planet dan sumber kita. Menggunakan tenaga boleh diperbaharu membantu dalam mencapai beberapa SDG," kata Ajinomoto.

Pada April 2016, Ajinomoto Co. (Thailand) LTD, memperkenalkan sistem penjanaan bersama biojisim di Kilang Ayutthaya di Thailand.



Kesan pemanasan global.

Eat Well, Live Well.  
**AJINOMOTO**

"Sistem penjanaan bersama menggunakan sumber haba untuk menjana tenaga elektrik dan stim yang diperlukan dengan persoalan sejauh manakah mesra ekologibahan api tersebut. Dalam sistem Ayutthaya, sekam padi digunakan sebagai bahan api.

"Dengan menukar penggunaan bahan api fosil kepada bahan api biojisim, kilang berjaya mencapai pengurangan tahunan dalam pelepasan CO2 sebanyak kira-kira 59,000 tan," kata Ajinomoto.

"Di samping itu tambahnya, kilang tersebut dapat mengantikkan sebahagian daripada kuasa yang dibelinya dengan kuasa yang dihasilkan di tapak, yang telah mengurangkan kos tenaga dan juga meningkatkan keupayaan untuk memastikan kilang terus beroperasi meskipun bekalan tenaga elektrik terputus."

"Salah satu hasil pelaksanaan sistem penjanaan bersama

biojisim ialah Ajinomoto Co. (Thailand) LTD, kini mengawal semua aspek pengeluaran bahan apinya sendiri, daripada mendapatkan sekam padi sehingga menggunakan abu hasil pembakaran dengan berkesan.

"Ini adalah contoh utama komitmen kami untuk mengurangkan penggunaan sumber semula jadi yang terhad, mengurangkan pencemaran, dan menggalakkan kejayaan penduduk dan perniagaan tempatan."

"Ajinomoto Co. komited melaksanakan ekonomi pusingan pada skala global, di kebanyakan negara-negara di mana kami beroperasi. Kami melakukannya melalui fokus khusus dalam pengurangan sisa dan pembuangan, kitar semula, perkongsian, dan pemuliharaan alam sekitar," katanya.

Dalam satu inisiatif yang serupa dengan Thailand, Ajinomoto Group di Brazil memasang dandang biojisim di tiga kilangnya di São Paulo, Laranjal Paulista, Limeira dan Pedreira.